

USIM Alamiyyah perhebat pendidikan bertaraf global

SEREMBAN 26 Ogos - Usaha memperkasa agenda pengantarabangsa dalam bidang akademik terus diperhebatkan apabila Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan USIM Alamiyyah baru-baru ini.

Tanpa mengeneipkan konsep integrasi ilmu naqli dan aqli, USIM Alamiyyah berperanan bagi memastikan institusi pengajian tinggi awam itu menjadi pilihan utama

bagi pelajar luar negara melanjutkan pelajaran di sini.

Pengarah USIM Alamiyyah, Prof. Dr. Roshada Hashim berkata, konsep alamiyyah yang diperkenalkan ini mencerminkan polisi USIM di peringkat global sebagai hab pengajian tinggi yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli.

"Alamiyyah ialah perkataan bahasa Arab bermaksud sarwajagat iaitu dalam konteks USIM, alamiyyah

merujuk kepada kecemerlangan akademik dan penyelidikan bagi sesebuah institusi menangani isu dan masalah yang memberi kesan kepada umat Islam.

"Pendekatan ilmu naqli dan aqli dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang diterapkan oleh USIM kepada pelajar dan kakitangannya adalah untuk melahirkan graduan yang seimbang, adil dan inklusif kepada masyarakat kelak," katanya di

sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Musa Ahmad dan turut dihadiri beberapa wakil kedutaan, kakitangan serta pelajar universiti berkenaan.

Jelas beliau, USIM Alamiyyah ini bertepatan dengan kehendak serta tuntutan Islam dalam menuntut ilmu iaitu al-Quran dan Sunnah yang menyediakan sumber kaya

dengan pengetahuan, penyelesaian merangkumi bidang sains, perubatan, ekonomi dan sahsiah diri.

"Alamiyyah juga meliputi jaringan kerjasama dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan penyelidikan, di samping mewujudkan peluang bagi program mobiliti transnasional dan memperkasa jaringan kerjasama bersama-sama institusi di peringkat global," katanya.